



**Amran dijatuhi hukuman penjara 20 tahun dan 10 sebatan**  
di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, semalam.

[FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR/BH]

# Perogol bersiri kena lagi 20 tahun

B/H 27/2/13  
MS 19.

# » Sebak ketika turut dijatuhi 10 sebatan

Oleh Norliza Wasilan

[norlizawasilan@bharian.com.my](mailto:norlizawasilan@bharian.com.my)

► Kota Bharu

Seorang perogol bersiri yang sedang menjalani hukuman penjara 28 tahun, sebak selepas Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman selama 20 tahun dan 10 sebatan atas kesalahan merogol seorang pelajar.

Hakim Azman Mustapa dalam penghakimannya memerintahkan tertuduh, Amran Che Jaafar, 30, menjalani hukuman itu selepas selesai hukuman untuk kesalahannya sebelum ini.

Berdasarkan pertuduhan, Amran didakwa merogol seorang pelajar kolej berusia 23 tahun dalam tandas kolej di sini antara jam 8.15 pagi, 9 Februari 2010.

Berikutan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 376(2) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 30 tahun dan se-

bat jika sabit kesalahan.

Amran kini menjalani hukuman penjara 28 tahun dan 17 sebatan atas pelbagai kesalahan termasuk rogol, cabul dan mencuri.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Nor Hamizah Ghazali, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

## Mohon ringankan hukuman

Ketika prosiding, Amran menyatakan dirinya sudah insaf atas kesalahan dilakukannya dan memohon mahkamah mengambil kira keadaan ibunya yang uzur dan dua anaknya.

“Saya mempunyai dua anak dan seorang ibu yang uzur dan terpaksa menjalani hukuman penjara 28 tahun dan 17 sebatan terhadap kesalahan sebelum ini,” katanya sebak ketika memohon hukuman diringankan.

Nor Hamizah bagaimanapun memohon mahkamah menjatuhkan hukuman berat dengan mengambil kira kepentingan awam.

“Saya juga memohon mahkamah mengambil kira trauma yang akan memberi kesan jangka masa panjang kepada mangsa,” katanya.

# Rumah adik Ketua Bahagian MIC ditembak

**Sungai Siput:** Individu tidak dikenali melepaskan sekurang-kurangnya lima das tembakan ke arah rumah adik Ketua MIC Bahagian Sungai Siput, R Murugan, 41, di Taman Jalong, dekat sini, jam 11.10 malam kelmarin.

Bagaimanapun, tembakan itu tidak mengenai sesiapa tetapi menembusi pagar besi, dinding kaca rumah dan kereta yang diletakkan di kediaman berkenaan.

Difahamkan polis menemui lima kelongsong peluru di luar pintu pagar rumah berkenaan.

## Tiada kecederaan

Murugan berkata, beliau tiada di rumah kerana abangnya, Ganesan, yang juga Penyelaras Barisan Nasional (BN) Sungai Siput, datang jam 10 malam untuk menghantarnya ke klinik selepas menghidap gastrik.

“Saya bersyukur kerana isteri,

M Puvaneswary, 30; ibu, M Mariammam, 67 dan anak perempuan, Elamathin, 5, yang berada di rumah ketika itu, tidak cedera,” katanya di sini semalam.

Murugan berkata awal bulan ini rumahnya dilempar cat dan cermin depan kereta isterinya dipecahkan dengan bata oleh pihak tidak dikenali.

Puvaneswary pula berkata, pada mulanya beliau menyangka ada kanak-kanak bermain mercun di luar kediamannya.

Apabila menjenguk dari tingkap, dia melihat motosikal sedang memecut tetapi tidak dapat mengenali pasti penunggangnya kerana keadaan gelap.